



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH PERTAMA
DI BAWAH PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) TAHUN 2024**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di **Universiti Awam (UA)**, **Politeknik Premier** dan **Government-Linked Universities (GLU)** yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara **Pinjaman Boleh Ubah (PBU)**.
- 1.2 Perjanjian pinjaman dikuatkuasakan mengikut empat keadaan PBU seperti berikut:
- (i) pinjaman **ditukar kepada biasiswa penuh** dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
 - (ii) **bayaran balik sebanyak 25%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
 - (iii) **bayaran balik sebanyak 50%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
 - (iv) selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki **membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman**.

2.0 SYARAT PERMOHONAN

2.1 Calon-calun yang berminat mestilah memenuhi syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

2.1.1 Syarat Umum

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Mempunyai kesihatan yang baik iaitu bebas daripada sebarang penyakit kronik serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian (senarai penyakit kronik di **Lampiran I**);
- 3) Ibu dan / atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- 4) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama;
- 5) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- 6) **Umur tidak melebihi 22 tahun** pada tahun permohonan (23 tahun bagi pelajar peralihan).

2.1.2 Syarat Khusus

- 1) Telah **memulakan pengajian peringkat Ijazah Pertama** sebelum tarikh iklan ditutup;
- 2) Bagi **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**, hanya terbuka kepada pelajar selain pegawai kadet;
- 3) Tidak pernah gagal atau mengulang mana-mana subjek dalam mana-mana semester sebelum membuat permohonan; dan

4) Memenuhi syarat akademik seperti berikut:

A. Bidang SELAIN Perubatan dan Pergigian:

(i) Pelajar telah memulakan pengajian dan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) terkini **sekurang-kurangnya PNGK 3.30 (bidang selain Kejuruteraan);**

atau

(ii) **Pelajar bidang Kejuruteraan** yang telah memulakan pengajian dan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) terkini **sekurang-kurangnya PNGK 3.00;**

dan

(iii) **Mempunyai baki 12 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa.**

B. Bidang Perubatan dan Pergigian:

(i) Memperolehi keputusan '**Lulus**' bagi semester terkini pengajian bagi bidang perubatan dan pergigian;

dan

(ii) **Mempunyai baki 12 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa.**

C. Bagi pelajar lepasan Diploma yang **belum mempunyai keputusan semester pertama**, pelajar boleh memohon menggunakan keputusan akhir Diploma dengan pencapaian **sekurang-kurangnya PNGK 3.30**, tertakluk kepada pelajar **tidak pernah gagal atau mengulang mana-mana subjek dalam mana-mana semester** dalam pengajian peringkat Diploma tersebut.

2.2 Program pengajian yang terbuka untuk permohonan adalah berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh setiap institusi pengajian terlibat dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA. Bidang-bidang yang dimohon oleh pelajar hendaklah telah mendapat **akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau telah diiktiraf oleh Badan Profesional (jika berkaitan).**

2.3 Bidang-bidang yang **tidak ditaja** adalah seperti berikut:

2.3.1 Bidang pendidikan;

2.3.2 Bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerbangan, lesen menyelam dan sebagainya;

2.3.3 Program-program berbentuk francais universiti awam / IPTS;

2.3.4 Program-program berkembar / ijazah dual / *double degree* / program kerjasama dengan institusi lain kecuali yang dibenarkan;

2.3.5 Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra perkhidmatan;

2.3.6 Program-program berkaitan sijil profesional seperti ACCA; dan

2.3.7 Program pengajian secara separuh masa / jarak jauh / dalam talian / pengajian tanpa subsidi yuran pengajian.

3.0 CARA MEMOHON

3.1 Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) di <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/ms/> bermula **29 Februari 2024 (10.00 pagi) hingga 7 April 2024 (jam 11.59 malam)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

3.2 Calon dibenarkan mendaftar, mengemaskini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip**

Pengesahan Permohonan Penajaan Program PIDN Tahun 2024 sebagai bukti permohonan telah dibuat.

3.3 Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <http://www.jpa.gov.my> atau <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/ms/>. Calon boleh merujuk *Frequently Asked Questions* (FAQ) bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.

3.4 **Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal** boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3297** pada setiap hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang atau e-melkan kepada **pidn2024@jpa.gov.my** (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

4.0 TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	29 Februari 2024 (Khamis)
Permohonan ditutup	7 April 2024 (Ahad)
Jangkaan Keputusan	*Minggu Keempat September 2024
Sesi Mula Tajaan	September 2024

*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

5.0 SENARAI INSTITUSI YANG DITAJA DI BAWAH PIDN 2024

Senarai institusi yang ditaja di bawah PIDN 2024 adalah seperti di **Lampiran II**.

6.0 HAK JPA

- 6.1. Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 6.2. JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 6.3. JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

1. **Kanser**

Penyakit yang disebabkan oleh ketumbuhan dan penularan sel-sel yang sangat merbahaya dan serangan tisu-tisu dibuktikan dengan histology yang jelas. Penyakit ini merangkumi leukemia lymphoma dan penyakit Hodgkin tetapi tidak termasuk ketumbuhan yang tidak merbahaya dan semua jenis kanser kulit kecuali malignant melanoma.

2. **Serangan jantung**

Suatu keadaan yang timbul kerana matinya sebahagian daripada otot jantung disebabkan pembekalan darah yang kurang kebahagian jantung yang relevan dengan tanda-tanda seperti sakit dada, perubahan ECG dan tahap enzim jantung yang meningkat. Serangan sakit jantung boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:-

1.1 **Penggantian atau Pembaikan Injap Jantung**

Prosedur di mana pembedahan jantung terbuka dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki injap jantung yang telah rosak.

1.2 **Pembedahan Arteri Jantung/Coronary Angioplasty**

Prosedur yang melibatkan coronary artery bypass surgery dilakukan untuk membetulkan arteri jantung yang tersumbat termasuk angioplasty.

1.3 **Pembedahan Aorta**

Prosedur yang melibatkan bahagian aorta yang sakit dibedah dan digantikan dengan graft. Aorta yang terlibat ialah thoracic dan abdominal aorta.

3. ***Pulmonary Hypertension***

4. **Sakit buah pinggang yang kronik**

Penyakit di mana kedua-dua buah pinggang telah gagal dipulihkan dan tidak boleh berfungsi lagi dan memerlukan dialisis renal dan pemindahan renal.

5. **Sakit hati (*liver*) yang kronik**

Tanda-tanda penyakit ialah diserangi penyakit jaundice, ascites dan/atau hepatic encephalopathy.

6. ***Fullminant Viral Hepatitis***

Necrosis hati sepenuh atau sebahagian disebabkan virus hepatitis yang mengakibatkan kegagalan hati selepas ujian fungsi hati dilakukan yang juga menunjukkan massive parenchymal liver disease dan juga tanda-tanda portosystemic encephalopathy.

7. Kecelakaan di kepala disebabkan kemalangan

Kecelakaan kepala disebabkan kemalangan (termasuk kerana diserang) mengakibatkan trauma kepala teruk dengan neurological deficit yang juga boleh mengakibatkan kematian apabila pertama kali dimasukkan ke wad kecemasan, atau walaupun selamat, pesakit mengalami kecederaan kepala yang kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar saraf atau pakar bedah saraf mestilah diperolehi.

8. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak

Pengesahan mestilah diperolehi daripada pakar saraf atau pakar bedah saraf.

9. Melepuh dan melecur kerana kebakaran

Third degree burns yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaikpulih.

10. Pemindahan organ utama

Pemindahan organ seperti buah pinggang, hati jantung, paru-paru, pankreas dan tulang som-som.

11. Penyakit Parkinson

12. Penyakit HIV dan AIDS

13. Pemindahan kaki dan/atau tangan

Ini bukan merupakan penyakit dalam ertikata sebenar. Namun begitu kecederaan dan ketidaksempurnaan disebabkan penyakit atau kemalangan boleh mengakibatkan salah satu daripada anggota tangan sebelah atas termasuk kaki dan sendi pinggul terpaksa dipotong. Pemotongan kecil jari kaki atau tangan juga adalah termasuk dalam kategori ini.

14. Chronic Skin Disease: Psoriasis, Phempigus, Steven-Johnson Syndrome

15. Mental Illness: Bipolar Disorders, Schizophrenia, Major Depression

16. Endocrine Disease: Diabetes Mellitus With Complications

17. Rheumatology: Rhemathoid Arthritis, Systemic Lupus Erythemathousus (SLE), Scleroderma, Mixed Connective Tissue Disorder, Ankylosing Spondylitis, Chronic Topacus Gout

18. Thalassemia Major

SENARAI INSTITUSI YANG DITAJA DI BAWAH PIDN TAHUN 2024

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Sains Malaysia (USM)
3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Universiti Putra Malaysia (UPM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
8. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
9. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
10. Universiti Utara Malaysia (UUM)
11. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
12. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
13. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
14. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
15. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
16. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
17. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
18. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
20. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
21. Politeknik Ungku Omar
22. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
23. Politeknik Ibrahim Sultan
24. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
25. Universiti Multimedia (MMU)
26. Universiti Teknologi Petronas (UTP)
27. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
28. Malaysia-Japan International Institute of Technology Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTM-MJIT)